

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
*Director-General of Education Malaysia*

KP(BS) 8591/Jld. XVIII/(8 )  
Tarikh: 31 Mei 2005.

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2 /2005**

**Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah**

Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tatacara memproses permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah.

2. Arahan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah mulai 1 Januari 2003 telah dikeluarkan melalui "Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003" bertarikh 27 November 2002. Surat Pekeliling tersebut telah dikeluarkan bersama "Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah Tahun 2003".

3. Selain daripada mekanisme dan peraturan-peraturan yang terkandung dalam garis panduan tersebut, pelaksanaan pendidikan wajib juga memerlukan mekanisme bagi mengecualikan murid daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah. Ini adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 29A(3) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk memberi pengecualian kepada murid daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah seperti berikut:

"Menteri boleh, jika difikirkannya wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu."

4. Bagi melaksanakan peruntukan di bawah Subseksyen 29A(3), Kementerian Pelajaran telah menyediakan Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah untuk digunakan bagi tujuan memproses permohonan pengecualian yang diterima daripada ibu bapa.
5. Untuk makluman Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, dari segi pelaksanaannya, permohonan hendaklah mengemukakan alasan khas yang tidak dapat disediakan oleh Kementerian Pelajaran dan keputusan YB Menteri Pelajaran bergantung kepada justifikasi bagi alasan khas tersebut.
6. Setelah berpuas hati permohonan dan dokumen yang dikemukakan adalah teratur dan lengkap, Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah menyediakan laporan permohonan pengecualian dan mengemukakannya kepada Bahagian Sekolah untuk tindakan lanjut. Laporan permohonan pengecualian hendaklah mengandungi sesalinan dokumen-dokumen berkaitan berserta sesalinan disket laporan tersebut.
7. Semua permohonan pengecualian termasuklah bagi tujuan untuk menjalankan persekolahan di rumah atau menangguhkan persekolahan bagi kanak-kanak dan murid yang bersekolah di sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta, adalah diuruskan oleh Sektor Pengurusan Sekolah (Unit Sekolah Rendah) di Jabatan Pelajaran Negeri.
8. Rekod pengecualian ke atas murid hendaklah disimpan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian Sekolah bagi tujuan pemantauan.
9. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah untuk digunakan oleh pegawai yang mengendalikan permohonan pengecualian di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri bermula dari 1 Julai 2005.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HJ. AHAMAD B. SIPON)

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Merangkap Ketua Pendaftar Sekolah Dan Guru



**GARIS PANDUAN  
PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI  
PENDIDIKAN WAJIB  
DI PERINGKAT RENDAH**

**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

## **PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT RENDAH**

### **PENDIDIKAN WAJIB**

#### **Latar Belakang**

1. Arahan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah mulai 1 Januari 2003 telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia melalui "Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003" bertarikh 27 November 2002. Surat Pekeliling tersebut telah dikeluarkan bersama "Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah Tahun 2003" yang mengandungi :
  - i) Mekanisme permohonan penempatan, pengesahan penempatan dan pendaftaran murid Tahun 1;
  - ii) Mekanisme penyiasatan murid cicir;
  - iii). Risalah atau pamphlet untuk hebahan pendidikan wajib; dan
  - iv) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002.
2. Selain daripada mekanisme dan peraturan-peraturan yang terkandung dalam garis panduan tersebut, pelaksanaan pendidikan wajib juga memerlukan mekanisme bagi mengecualikan murid atau kanak-kanak daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah.
3. Bagi tujuan tersebut, Kertas "Kriteria Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah" telah diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2003 dan tugas memproses permohonan pengecualian telah dilaksanakan mulai daripada tarikh tersebut.

### **Penguatkuasaan Pendidikan Wajib**

4. Subseksyen 29A (1) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 memperuntukkan bahawa YB Menteri Pendidikan boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib.
5. Perintah YB Menteri Pendidikan menguatkuasakan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 mulai 1 Januari tahun 2003 dan Perintah YB Menteri Pendidikan menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib mulai 1 Januari tahun 2003 telah diwartakan masing-masing pada 21 November 2002.

### **Pendidikan Wajib: Tanggungjawab Ibu Bapa**

6. Subseksyen 29A (2) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 menetapkan bahawa tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.

### **PENGECUALIAN DARIPADA MEMENUHI KEHENDAK PENDIDIKAN WAJIB**

7. Subseksyen 29A (3) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 memperuntukkan Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana

murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambahkan syarat-syarat itu.

#### **KRITERIA PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT RENDAH**

8. Bagi melaksanakan peruntukan pengecualian daripada mengikuti kehendak pendidikan wajib seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 29A (3) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002, maka berikut ditetapkan kriteria yang digunakan bagi menimbang permohonan ibu bapa untuk mengecualikan anak mereka daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah.

#### **Prinsip Utama Pengecualian**

9. Subseksyen 29A (3) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 menetapkan **prinsip utama pengecualian sebagai “ jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian .....**”. Oleh demikian pengecualian hanya akan diberikan atas sebab-sebab yang berdasarkan prinsip utama.
10. Dari segi pelaksanaannya, Ketua Pengarah Pelajaran telah menetapkan bahawa permohonan hendaklah mengemukakan alasan khas yang tidak dapat disedarkan oleh Kementerian Pelajaran dan keputusan YB Menteri Pelajaran bergantung kepada justifikasi bagi alasan khas tersebut.

### **Kategori Permohonan**

11. Terdapat dua kategori permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah iaitu :
  - i) yang tertakluk di bawah seksyen 29A; dan
  - ii) yang tidak tertakluk di bawah seksyen 29A.
12. Kes-kes yang tertakluk di bawah seksyen 29A merupakan permohonan ibu bapa kohort murid yang lahir pada atau selepas 2 Januari 1996.
13. Kes-kes yang tidak tertakluk di bawah seksyen 29A merupakan permohonan ibubapa murid yang lahir sebelum 2 Januari 1996.

### **Golongan Murid dan Murid Yang Boleh Dipertimbangkan**

14. Golongan murid yang boleh dipertimbangkan untuk pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah adalah seperti berikut :
  - i) Murid kaum Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak yang tinggal jauh di pedalaman dan secara tradisinya masih mengamalkan hidup secara berpindah-randah;
  - ii) Murid istimewa seperti yang ditetapkan, contohnya melalui Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas di bawah Akta Pendidikan 1996; dan
  - iii) Lain-lain golongan murid yang ditentukan oleh YB Menteri Pelajaran.

15. Murid yang boleh dipertimbangkan untuk pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah adalah seperti berikut :

- i) Murid yang menerima pendidikan secara persekolahan di rumah (*home schooling*);
- ii) Murid yang mencapai umur enam tahun pada 1 Januari tahun persekolahan semasa yang memohon untuk menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 ke tahun berikutnya; dan
- iii) Lain-lain permohonan.

#### **Kriteria Pertimbangan**

16. Kriteria pertimbangan untuk permohonan pengecualian adalah seperti berikut :

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan oleh ibu bapa/penjaga kanak-kanak kepada Pendaftar Sekolah dan Guru, Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah (JPN);
- ii) Bagi murid yang telah mencapai umur pendidikan wajib, yang mana permohonan pengecualian telah dikemukakan, kecuali atas sebab-sebab yang munasabah, hendaklah berdaftar di sekolah dan mengikuti pendidikan rendah sehingga keputusan permohonan pengecualian diluluskan;
- iii) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan alasan yang munasabah berdasarkan prinsip utama pengecualian;

- iv) Pertimbangan dan kelulusan adalah mengikut kes individu memandangkan kewajaran pengecualian perlu dipertimbangkan demi kepentingan murid atau awam;
- v) Bagi tujuan untuk memberikan khidmat nasihat dan mendapatkan maklumat lanjut, JPN hendaklah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa dan murid yang berkenaan dan jika perlu membuat lawatan ke premis di mana *home schooling* dijalankan dan mengambil tindakan susulan yang sewajamya;
- vi) Semua permohonan hendaklah dengan menggunakan borang permohonan, dan disertakan dengan salinan dokumen-dokumen yang berkenaan sebagai bukti menyokong permohonan itu;
- vii) Salinan dokumen-dokumen tersebut hendaklah yang disahkan oleh pegawai kerajaan yang ditetapkan. Dokumen yang perlu dihantar oleh pemohon adalah seperti yang ditetapkan dalam borang permohonan;
- viii) Pengecualian yang diberikan oleh YB Menteri Pelajaran akan menyatakan sama ada ia bersifat mutlak atau bersyarat. Jika ia bersyarat, syarat-syarat itu boleh dibatal, diubah atau ditambah dari semasa ke semasa;
- ix) Sekiranya pengecualian yang diberikan dibatalkan, murid atau kanak-kanak itu dikehendaki mengikuti pendidikan wajib;

- x) Ibu bapa boleh membuat rayuan sekiranya permohonan mereka untuk mengecualikan anak mereka daripada mengikuti pendidikan wajib ditolak dengan mengemukakan bukti-bukti baru;
- xi) Rayuan yang ditolak adalah muktamad. Ibu bapa kanak-kanak yang berkenaan hendaklah memastikan anak mereka mengikuti pendidikan wajib seperti yang diarahkan;
- xii) Surat yang memaklumkan keputusan tentang permohonan pengecualian boleh ditandatangani oleh Ketua Pendaftar, Pengarah Bahagian Sekolah atau Pendaftar Sekolah dan Guru Negeri/Wilayah. Ini termasuklah kes-kes yang tertakluk di bawah Seksyen 29A dan juga kes-kes yang tidak tertakluk di bawahnya;
- xiii) Pewartaan nama-nama murid yang diberi pengecualian dibuat secara berjadual, contohnya 6 bulan sekali; dan
- xiv) Kos pewartaan akan ditanggung sepenuhnya oleh KPM.

**Permohonan Untuk Mengecualikan Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Persekolahan di Rumah (*Home Schooling*)**

17. Persekolahan di rumah atau *home schooling* merujuk kepada proses pendidikan seseorang kanak-kanak yang dijalankan di rumahnya.

18. Kriteria tambahan bagi mempertimbangkan permohonan pengecualian atas sebab untuk mengadakan pendidikan secara persekolahan di rumah atau *home schooling*, adalah seperti berikut :
- i) Ibu bapa hendaklah mengemukakan bukti-buktii bahawa anaknya akan mengikuti pendidikan rendah yang sempurna;
  - ii) *Home schooling* boleh dilaksanakan atau diajar oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada ibu, bapa atau tutor;
  - iii) *Home schooling* yang dimaksudkan hendaklah dijalankan di rumah kanak-kanak tersebut, sebarang kelas lain yang dihadiri oleh murid di luar, contohnya menghadiri kelas muzik atau tuisyen di tempat lain tidak termasuk dalam pengiraan waktu pembelajaran *home schooling*;
  - iv) *Home schooling* tidak boleh dijalankan secara berkumpulan kecuali bagi adik-beradik kanak-kanak tersebut;
  - v) Kurikulum yang digunakan hendaklah sesuai bagi peringkat umur kanak-kanak di peringkat rendah dan hendaklah diadakan untuk pemeriksaan oleh Pendaftar;
  - vi) Kurikulum yang digunakan hendaklah juga mematuhi satu tahap minima Kurikulum Kebangsaan iaitu mengajar mata pelajaran teras bagi pendidikan rendah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta Pendidikan 1996;

- vii) Kurikulum tambahan yang digunakan bagi tujuan *home schooling* juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar;
- viii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan hendaklah dibenarkan untuk menjalankan pemantauan terhadap *home schooling* yang dijalankan;
- ix) Penilaian murid hendaklah dibuat secara berkala;
- x) Kanak-kanak tersebut boleh didaftarkan untuk menduduki peperiksaan awam seperti UPSR;
- xi) Bagi permohonan menjalankan *home schooling*, dokumen berikut hendaklah dikemukakan oleh pemohon bersama borang permohonan bagi menyokong permohonan :
  - a) Salinan Kad Pengenalan Bapa (depan dan belakang);
  - b) Salinan Kad Pengenalan Ibu (depan dan belakang);
  - c) Salinan Sijil Lahir Anak (depan dan belakang);
  - d) Sijil-sijil akademik dan ikhtisas yang berkenaan bagi tenaga pengajar yang disenaraikan;
  - e) Maklumat atau salinan kurikulum yang digunakan;
  - f) Senarai mata pelajaran yang diajarkan;
  - g) Jadual waktu harian dan mingguan;
  - h) Kaedah penilaian kemajuan murid;
  - i) Laporan kemajuan murid;
  - j) Salinan asal laporan doktor; dan
  - k) Dokumen lain jika berkenaan.

**Permohonan Untuk Mengecualikan Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menangguhkan Kemasukan ke Tahun 1**

19. Pendidikan wajib mewajibkan ibu bapa mendaftarkan anak mereka, yang telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama tahun persekolahan semasa, ke sekolah rendah dan menyekolahkan anak tersebut sepanjang tempoh pendidikan wajib. Ini termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan pada 1 Januari dan mencapai umur enam tahun pada tahun persekolahan semasa.
20. Ibu bapa yang memohon untuk menangguhkan kemasukan anak mereka ke Tahun 1 pada tahun persekolahan semasa hendaklah mengemukakan bersama borang permohonan, salinan dokumen yang telah disahkan bagi menyokong permohonan mereka seperti berikut :
  - a) Salinan Kad Pengenalan Bapa (depan dan belakang);
  - b) Salinan Kad Pengenalan Ibu (depan dan belakang);
  - c) Salinan Sijil Lahir Anak (depan dan belakang);
  - d) Bukti pendaftaran kemasukan ke Tahun 1, contohnya salinan sijil lahir yang telah dicopkan di belakangnya dengan nama sekolah yang berkenaan;
  - e) Salinan asal laporan doktor; dan
  - f) Dokumen lain jika berkenaan.

## **KEPUTUSAN PERMOHONAN**

21. Subseksyen 29A (3) Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 memperuntukkan Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu.
22. Dari segi pelaksanaan kes-kes berikut adalah diputuskan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) selaku Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru :
  - i) Kes Permohonan Murid Yang Tidak Tertakluk di Bawah Penguatkuasaan Pendidikan Wajib; dan
  - ii) Kes Permohonan Penangguhan Kemasukan ke Tahun 1.
23. Bagi kes Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Di Rumah (*Home Schooling*), kes-kes tersebut hendaklah dirujuk kepada KPPM untuk mendapatkan ulasan dan kemudiannya diangkat kepada YB Menteri Pelajaran untuk mendapatkan keputusan.

## **PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN PENGECUALIAN KE ATAS GOLONGAN MURID**

24. Permohonan untuk mengecualikan mana-mana golongan murid daripada mana-mana pihak hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia supaya permohonan daripada pihak-pihak tersebut boleh diputuskan di peringkat dasar.
25. Semua permohonan untuk menjalankan *home schooling* atau menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 termasuklah permohonan murid yang bersekolah di sekolah swasta, adalah diuruskan oleh Sektor Pengurusan Sekolah (Unit Sekolah Rendah) di Jabatan Pelajaran Negeri.
26. Rekod mengenai pihak-pihak yang menjalankan *home schooling* dan kanak-kanak yang telah diberi penangguhan hendaklah disimpan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah dan Bahagian Sekolah bagi tujuan pemantauan.

## **PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN PENGECUALIAN KE ATAS MURID**

27. Setiap permohonan untuk mengecualikan mana-mana murid daripada mengikuti pendidikan wajib hendaklah dikemukakan oleh ibu bapa kepada Jabatan Pendidikan Negeri/Wilayah dan setiap permohonan hendaklah direkodkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah.


28. Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah memberikan nasihat berkenaan permohonan dan meminta pemohon mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan yang disertakan dengan dokumen berkaitan bagi menyokong permohonan.
29. Setelah berpuas hati permohonan dan dokumen yang dikemukakan adalah teratur dan lengkap, Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah menyediakan laporan permohonan pengecualian dan mengemukakannya kepada Bahagian Sekolah untuk tindakan lanjut. Laporan permohonan pengecualian hendaklah dikemukakan bersama sesalinan dokumen-dokumen berkaitan berserta disket laporan tersebut.
30. Format Laporan Permohonan Pengecualian Bagi Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah Untuk Menjalankan Persekolahan Di Rumah (*Home Schooling*) yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah meliputi butiran mengenai perkara-perkara yang termasuklah :
  - i) butiran asas permohonan;
  - ii) ringkasan kes permohonan;
  - iii) senarai dokumen yang dikemukakan oleh pemohon;
  - iv) ulasan Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah;
  - v) ulasan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia merangkap Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru; dan
  - vi) keputusan YB Menteri Pelajaran Malaysia.

31. Format Laporan Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah Bagi Menangguhkan Persekolahan yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah meliputi butiran mengenai perkara-perkara yang termasuklah :
  - i) butiran asas permohonan;
  - ii) ringkasan kes permohonan;
  - iii) senarai dokumen yang dikemukakan oleh pemohon;
  - iv) ulasan Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah; dan
  - v) keputusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia merangkap Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru.
32. Dalam menyediakan laporan permohonan, Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah boleh merujuk kepada Jabatan/Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan maklumat terkini tentang dasar yang berkaitan permohonan.
33. Laporan permohonan yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sekolah untuk direkod dan diteliti.
34. Bahagian Sekolah bertindak sebagai agensi penyelaras kepada permohonan (Rujuk Carta Aliran). Setelah berpuas hati bahawa laporan permohonan adalah teratur dan lengkap, Bahagian Sekolah hendaklah mengemukakan :
  - i) kes Permohonan Murid Yang Tidak Tertakluk di Bawah Penguatkuasaan Pendidikan Wajib dan kes Permohonan Penangguhan Persekolahan untuk keputusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia; dan

- ii) kes Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Persekolahan di Rumah (*Home Schooling*), kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk mendapatkan ulasan dan kemudiannya diangkat kepada YB Menteri Pelajaran untuk mendapatkan keputusan.
35. Keputusan permohonan hendaklah dimaklumkan kepada pemohon oleh Bahagian Sekolah dan salinan hendaklah disampaikan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan dan juga sekolah di mana murid telah didaftarkan.
36. Kelulusan kepada permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Persekolahan Di Rumah (*Home Schooling*) adalah dalam bentuk tawaran pengecualian yang sama ada bersyarat atau tidak bersyarat dan hendaklah mendapatkan perakuan pemohon.
37. Berdasarkan perakuan pemohon untuk pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib dan menjalankan persekolahan di rumah (*Home Schooling*), draf perintah YB Menteri Pelajaran yang mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, hendaklah disediakan oleh Bahagian Sekolah dan dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Pelajaran bagi tujuan pewartaan.

38. Mana-mana pemohon yang permohonannya tidak diberikan kelulusan boleh mengemukakan rayuan kepada Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah dengan mengemukakan bukti-buktii yang baru. Laporan rayuan tersebut hendaklah disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah dan dikemukakan kepada Bahagian Sekolah untuk tindakan selanjutnya.
  39. Rayuan yang ditolak adalah muktamad. Ibu bapa kanak-kanak berkenaan hendaklah memastikan anak mereka mengikuti pendidikan wajib.
  40. Sekiranya Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah berpuas hati bahawa terdapat asas yang kukuh untuk membatalkan sesuatu pengecualian yang diberikan, Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah hendaklah menyediakan "Laporan Cadangan Pembatalan Pengecualian" bersama maklumat dan bukti berkenaan pengecualian dan mengemukakan kepada Bahagian Sekolah untuk tindakan selanjutnya.
  41. Sekiranya pengecualian yang diberikan dibatalkan, ibu bapa kanak-kanak berkenaan hendaklah memastikan anak mereka mengikuti pendidikan wajib.
-

**Carta Aliran Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Persekolahan Di Rumah  
(Home Schooling)**



## **PROSES KERJA**

---

**Memproses Permohonan Pengecualian Daripada  
Mengikuti Pendidikan Wajib dan Menjalankan Persekolahan Di Rumah  
(*Home Schooling*)**

<b>PROSES KERJA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</b>
1. Terima permohonan pengecualian dan buka fail kes	JPN	Surat permohonan
2. Hantar Borang PPW1 kepada pemohon	JPN	Borang PPW1
3. Semak borang PPW1 yang diterima daripada pemohon. Sekiranya maklumat yang diterima tidak lengkap, maklumat lanjut perlu dipohon daripada pemohon	JPN	Borang PPW1
4. Sediakan laporan kes berserta borang dan maklumat lain dan dihantar kepada Bahagian Sekolah	JPN	Laporan Kes
5. Selaraskan laporan kes yang diterima daripada JPN untuk dibawa kepada KPPM untuk ulasan	B. Sekolah	Laporan Kes
6. Terima ulasan daripada KPPM dan panjangkan laporan kes untuk keputusan YB Menteri Pelajaran	B. Sekolah	Laporan Kes
7. Hantar surat makluman kelulusan dan surat aku terima tawaran dengan bersyarat kepada pemohon dan salinan kepada JPN dan sekolah	B. Sekolah	Surat maklum keputusan dan Surat aku terima tawaran
8. Terima surat aku terima daripada pemohon dan hantar sesalinan kepada JPN dan sekolah	B. Sekolah	Surat aku terima tawaran

PROSES KERJA	TINDAKAN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
9. Selaraskan bagi tujuan pewartaan nama kanak-kanak yang diberi pengecualian dan panjangkan kepada Penasihat Undang-Undang untuk tindakan selanjutnya	B. Sekolah	Draf pewartaan
10. Hantar kepada Jabatan Peguam Negara untuk pewartaan	Penasihat Undang-Undang.	Draf pewartaan
11. Hantar surat makluman keputusan permohonan kepada pemohon bagi yang tidak lulus	B. Sekolah	Surat makluman keputusan tidak lulus
12. Hantar sesalinan surat makluman kepada JPN untuk mengeluarkan surat arahan daftar kanak-kanak untuk masuk sekolah dan tindakan susulan oleh JPN; dan salinan kepada sekolah	B. Sekolah	Surat makluman keputusan tidak lulus

Ruj. Kami:  
Tarikh:

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan,

**PERMOHONAN PENGECAULIAN MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DAN  
MENJALANKAN PERSEKOLAHAN DI RUMAH (*HOME SCHOOLING*)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan ini telah menerima permohonan tuan untuk mengecaulikan anak tuan daripada mengikuti pendidikan wajib dan menjalankan persekolahan di rumah (*home schooling*).
3. Bagi membolehkan Jabatan ini meneliti dan memanjangkan permohonan tuan kepada pihak berkenaan untuk pertimbangan yang sewajarnya, kami memohon kerjasama tuan untuk menyertakan maklumat-maklumat tambahan bagi menyokong permohonan tuan.
4. Sehubungan itu, tuan adalah dipohon untuk melengkapkan borang yang dilampirkan dan mengembalikannya kepada Jabatan ini berserta dokumen-dokumen yang berkaitan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada (- Nama pegawai - / No. Telefon).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

( - Nama - )  
Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru Negeri

**PERMOHONAN  
PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB  
BAGI MENJALANKAN PERSEKOLAHAN DI RUMAH  
(HOME SCHOOLING)**

**1. BUTIRAN PEMOHON :**

- a. Nama : .....
- b. Hubungan dengan kanak-kanak : .....
- c. Pekerjaan : .....
- d. Alamat majikan : .....
- e. Alamat rumah : .....
- f. No. telefon : ..... (R)  
..... (H/P)  
..... (Pej)

**2. BUTIRAN KANAK-KANAK :**

- a. Nama kanak-kanak : .....
- b. Tarikh lahir : ..... c. No. Sijil Lahir : .....
- d. Nama dan alamat sekolah kanak-kanak didaftarkan :  
.....  
.....
- e. Sedang mengikuti *home schooling* : Ya / Tidak  
Jika Ya, tempoh yang sedang diikuti : ..... tahun

**3. BUTIRAN HOME SCHOOLING :**

a. Alamat premis *home schooling* : .....

.....  
.....

b. Tenaga pengajar :

i. Nama : .....

Kelayakan : .....

Hubungan dengan murid : .....

Pekerjaan : .....

ii. Nama : .....

Kelayakan : .....

Hubungan dengan murid : .....

Pekerjaan : .....

iii. Nama : .....

Kelayakan : .....

Hubungan dengan murid : .....

Pekerjaan : .....

(*Sila lampirkan sekiranya tenaga pengajar yang terlibat lebih daripada yang tersenarai di atas*).

c. Tempoh waktu pengajaran :

i. ...../jam sehari

ii. ...../jam seminggu

iii. ...../jam sebulan

d. Kurikulum yang digunakan dan mata pelajaran yang diajar.  
(*Sila lampirkan*)

e. Kaedah penilaian kemajuan murid. (*Sila lampirkan*)

- f. Laporan kemajuan murid. (*Sila lampirkan*)
- g. Jadual waktu harian/mingguan. (*Sila lampirkan*)
- h. Salinan asal laporan doktor (*jika berkenaan*). (*Sila lampirkan*)
- i. Lain-lain : (*Sila nyatakan dan lampirkan*)
  - i. ....
  - ii. ....

**4. SEBAB-SEBAB KHAS MENJALANKAN HOME SCHOOLING:**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**5. DOKUMEN BERIKUT DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG INI :**

	Dokumen	*✓ / X / TB
1.	Salinan Kad Pengenalan bapa (depan & belakang)	
2.	Salinan Kad Pengenalan ibu (depan & belakang)	
3.	Salinan Sijil Lahir (depan & belakang)	
4.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (i)	
5.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (ii)	
6.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (iii)	
7.	Salinan kurikulum yang digunakan	
8.	Senarai mata pelajaran yang diajar	
9.	Kaedah penilaian kemajuan murid	
10.	Laporan kemajuan murid	
11.	Jadual waktu mingguan/harian	
12.	Salinan asal laporan doktor	
13.	Dokumen lain jika berkenaan	

(\*Sila tandakan ✓ bagi "Ada", X bagi "Tiada" dan TB bagi "Tidak Berkenaan")

## **6. PENGAKUAN**

Saya ..... No. KP : .....  
*(Nama Penuh)*

a. memohon untuk :

- i. dikecualikan daripada mengikuti pendidikan wajib; dan
- ii. menjalankan persekolahan di rumah

ke atas anak saya/di bawah jagaan saya yang bernama  
..... yang beralamat  
di ..... ; dan

b. dengan sesungguhnya mengaku bahawa :

- i. pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan saya; dan
- ii. tandatangan pada borang ini adalah dengan tulisan tangan saya.

Ditandatangani dan diakui oleh saya,

Tarikh : .....

Nama dengan huruf besar : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

**LAPORAN KES PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI  
PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT RENDAH DAN MENJALANKAN  
PERSEKOLAHAN DI RUMAH**

**1. Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib  
Dan Menjalankan Persekolahan Di Rumah Ke Atas :**

**Nama Murid** :  
**Tarikh Lahir** :  
**No. Sijil Kelahiran** :  
**No. Rujukan** :  
**Nama Pemohon** :  
**Alamat** :  
**JPN** :

**2. Ringkasan Kes :**

.....  
.....  
.....

**3. Senarai semak dokumen yang dihantar oleh pemohon :**

	Dokumen yang dipohon oleh KPM	*✓/X/TB
1.	Salinan Kad Pengenalan bapa (depan & belakang)	
2.	Salinan Kad Pengenalan ibu (depan & belakang)	
3.	Salinan Sijil Lahir (depan dan belakang)	
4.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (i)	
5.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (ii)	
6.	Salinan sijil akademik tenaga pengajar (iii)	
7.	Salinan kurikulum yang digunakan (buku)	
8.	Senarai mata pelajaran yang diajar	
9.	Kaedah penilaian kemajuan murid	
10.	Laporan kemajuan murid	
11.	Jadual waktu mingguan/harian	
12.	Salinan asal laporan doktor	
13.	Dokumen lain jika berkaitan	

(\*Sila tandakan ✓ bagi "Dikemukakan" , X bagi "Tidak dikemukakan"  
dan TB bagi "Tidak Berkenaan")

**4. Ulasan Urus Setia :**

.....  
.....  
.....

**5. Ulasan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Merangkap Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru :**

Permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib untuk menjalankan persekolahan di rumah (*home schooling*):

- Permohonan tidak disokong  
 Permohonan disokong tanpa syarat  
 Permohonan disokong dengan bersyarat

Syarat-syarat :

- (i) tempoh pengecualian adalah dari Tahun 1 (.....) hingga Tahun 6 (.....);
- (ii) persekolahan di rumah (*home schooling*) yang dijalankan hendaklah menggunakan buku teks KBSR;
- (iii) membenarkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan membuat pemantauan; dan
- (iv) pengecualian terbatal dengan sendirinya apabila murid berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah rendah.

Tandatangan

( ..... -Nama- ..... )  
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
MERANGKAP  
KETUA PENDAFTAR SEKOLAH DAN GURU

Tarikh : .....

## **6. KEPUTUSAN MENTERI PELAJARAN**

Permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib untuk menjalankan persekolahan di rumah (*home schooling*) adalah

Diluluskan

Tidak diluluskan

Catatan :

Tandatangan

**(DATO' SRI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN)**  
**MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

Tarikh : .....

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DAN MENJALANKAN PERSEKOLAHAN DI RUMAH KE ATAS :**

**Nama Murid** :  
**Tarikh Lahir** :  
**No. Sijil Kelahiran** :  
**No. Rujukan** :  
**Nama Pemohon** :  
**JPN** :

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah saya diarahkan untuk memaklumkan bahawa permohonan untuk mengecualikan anak tuan/puan daripada mengikuti pendidikan wajib diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut :

- (i) tempoh pengecualian adalah dari Tahun 1 (.....) hingga Tahun 6 (.....);
- (ii) pendidikan *home schooling* yang dijalankan hendaklah menggunakan buku teks KBSR;
- (iii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan hendaklah dibenarkan membuat pemantauan; dan
- (iv) pengecualian terbatal dengan sendirinya apabila murid berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah rendah.

3. Tuan/puan adalah diminta melengkapkan borang persetujuan yang dilampirkan dan mengembalikannya ke Bahagian ini dengan kadar segera iaitu selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh surat ini.

4. Sekiranya tuan/puan menolak tawaran ini atau tidak memberi sebarang jawapan dalam tempoh yang ditetapkan, tuan/puan diminta berhubung dengan Jabatan Pelajaran ..... bagi urusan untuk menempatkan anak tuan/puan ke sekolah.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( - Nama - )

Pengarah  
Bahagian Sekolah  
b.p. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Merangkap  
Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Sekolah
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pendidikan Swasta  
Merangkap  
Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru
4. Pengarah  
Bahagian Sekolah
5. Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri .....  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru
6. Guru Besar Sekolah

Pengarah  
Bahagian Sekolah

**TAWARAN PENGECUALIAN KEPADA PEMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DAN MENJALANKAN PERSEKOLAHAN DI RUMAH (HOME SCHOOLING) KE ATAS :**

Nama Murid :  
Tarikh Lahir :  
No. Sijil Kelahiran :  
No. Rujukan :  
Nama Pemohon :  
JPN :

**PENGAKUAN PEMOHON**

Adalah saya dengan ini

- menerima tawaran pengecualian bersama syarat-syarat yang ditetapkan seperti para 2. Saya juga maklum bahawa pengecualian ini akan terbatas dengan sendirinya apabila anak saya berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah.
- tidak menerima tawaran pengecualian bersama syarat-syarat yang ditetapkan seperti para 2. Saya dengan ini akan berhubung dengan Jabatan Pelajaran Negeri ..... bagi menempatkan anak saya ke sekolah.

2. Syarat-syarat :

- (i) tempoh pengecualian adalah dari Tahun 1 (.....) hingga Tahun 6 (.....);
- (ii) persekolahan di rumah (*home schooling*) yang dijalankan hendaklah menggunakan buku teks KBSR;
- (iii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan hendaklah dibenarkan membuat pemantauan; dan
- (iv) pengecualian terbatas dengan sendirinya apabila murid berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah rendah.

Ditandatangani dan diakui oleh saya,

.....

Tarikh : .....

Nama dengan huruf besar : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DAN MENJALANKAN PERSEKOLAHAN DI RUMAH KE ATAS :**

**Nama Murid** :  
**Tarikh Lahir** :  
**No. Sijil Kelahiran** :  
**No. Rujukan** :  
**Nama Pemohon** :  
**JPN** :

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah saya diarahkan untuk memaklumkan bahawa permohonan untuk mengecualikan anak tuan/puan daripada mengikuti pendidikan wajib tidak diluluskan.
3. Tuan/Puan diminta berhubung dengan Jabatan Pelajaran Negeri ..... bagi urusan untuk menempatkan anak tuan/puan ke sekolah.
4. Bagi tujuan rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan di masa akan datang, tuan/puan adalah dinasihatkan untuk menyimpan surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menurut perintah,

( - Nama - )  
Pengarah  
Bahagian Sekolah  
b.p. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Merangkap  
Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Sekolah
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pendidikan Swasta  
Merangkap  
Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru
4. Pengarah  
Bahagian Sekolah
5. Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri .....  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru  
(Sila keluarkan Surat Arahan Mendaftar kepada pemohon dalam masa tiga minggu dari tarikh surat ini jika tidak menerima arahan lanjut dari pihak Kementerian Pelajaran)
6. Guru Besar Sekolah

**Carta Aliran Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib : Penangguhan Persekolahan**



## PROSES KERJA

### **Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib: Penangguhan Persekolahan**

PROSES KERJA	TINDAKAN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1. Terima permohonan pengecualian dan buka fail kes	JPN	Surat permohonan
2. Hantar Borang PPW2 kepada pemohon	JPN	Borang PPW2
3. Semak borang PPW2 yang diterima daripada pemohon. Sekiranya maklumat yang diterima tidak lengkap, maklumat lanjut perlu dipohon daripada pemohon	JPN	Borang PPW2
4. Sediakan laporan kes berserta borang dan maklumat lain dan dihantar kepada Bahagian Sekolah	JPN	Laporan Kes
5. Selaraskan laporan kes yang diterima daripada JPN untuk dibawa kepada KPPM untuk kelulusan	B. Sekolah	Laporan Kes
6. Hantar surat makluman kelulusan kepada pemohon, JPN dan sekolah	B. Sekolah	Surat makluman kelulusan
7. Hantar surat makluman keputusan permohonan kepada pemohon bagi yang tidak lulus	B. Sekolah	Surat makluman keputusan tidak lulus
8. Hantar sesalinan surat makluman kepada JPN untuk mengeluarkan surat arahan daftar kanak-kanak untuk masuk sekolah dan tindakan susulan oleh JPN; dan salinan kepada sekolah	B. Sekolah	Surat makluman keputusan tidak lulus

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN  
WAJIB : PENANGGUHAN PERSEKOLAHAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan ini telah menerima permohonan tuan untuk menangguhkan persekolahan anak tuan.
3. Bagi membolehkan Jabatan ini meneliti dan memanjangkan permohonan tuan kepada pihak berkenaan untuk pertimbangan yang sewajarnya, kami memohon kerjasama tuan untuk menyertakan maklumat-maklumat tambahan bagi menyokong permohonan tuan.
4. Sehubungan itu, tuan adalah dipohon untuk melengkapkan borang yang dilampirkan dan mengembalikannya kepada Jabatan ini berserta dokumen-dokumen yang berkaitan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada (- Nama pegawai - / No. Telefon).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

( - Nama - )  
Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri .....  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru Negeri

**BORANG PPW 2**

**PERMOHONAN  
PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB  
DI PERINGKAT RENDAH : PENANGGUHAN PERSEKOLAHAN**

**1. BUTIRAN PEMOHON :**

- a. Nama Pemohon : .....
- b. Hubungan dengan kanak-kanak : .....
- c. Pekerjaan : .....
- d. Alamat majikan : .....
- e. Alamat rumah : .....
- f. No. telefon : ..... (R)  
..... (H/P)  
..... (Pej)

**2. BUTIRAN KANAK-KANAK :**

- a. Nama kanak-kanak : .....
- b. Tarikh lahir : .....
- c. No. Sijil Lahir : .....
- d. Nama dan alamat sekolah kanak-kanak didaftarkan :  
.....

### **3. BUTIRAN PENANGGUHAN YANG DIPOHON**

- a. Tahun kemasukan ke Tahun 1 di bawah pendidikan wajib : .....
- b. Penangguhan yang dipohon :

Tahun persekolahan dari Tahun .... (      ) ke Tahun .... (      )

*[Contoh: dari Tahun 1 (2004) ke Tahun 1 (2005)]*

### **4. SEBAB-SEBAB KHAS MEMOHON PENANGGUHAN :**

.....  
.....  
.....

### **5. DOKUMEN BERIKUT DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG INI :**

	Dokumen	*√ / X / TB
1.	Salinan Kad Pengenalan bapa (depan & belakang)	
2.	Salinan Kad Pengenalan ibu (depan & belakang)	
3.	Salinan Sijil Lahir anak (depan & belakang)	
4.	Salinan asal laporan doktor	
5.	Dokumen lain jika berkenaan	

(\*Sila tandakan √ bagi "Ada", X bagi "Tiada" dan TB bagi "Tidak Berkenaan")

## 6. PENGAKUAN

Saya ..... No. KP: .....  
(Nama Penuh)

a. memohon untuk :

- i. dikecualikan daripada mengikuti pendidikan wajib; dan
- ii. menangguhkan persekolahan

ke atas anak saya/di bawah jagaan saya yang bernama ..... yang beralamat di .....; dan

b. dengan sesungguhnya mengaku bahawa :

- i. pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan saya; dan
- ii. tandatangan pada borang ini adalah dengan tulisan tangan saya.

Ditandatangani dan diakui oleh saya,

Tarikh : .....

Nama dengan huruf besar : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

**LAPORAN KES PERMOHONAN PENGECAULIAN DARIPADA MENGIKUTI  
PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT RENDAH :  
PENANGGUHAN PERSEKOLAHAN**

**1. Permohonan Pengecaulian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib  
Dan Menangguhkan Pesekolahan Ke Atas :**

Nama Murid :  
Tarikh Lahir :  
No. Sijil Kelahiran :  
No. Rujukan :  
Nama Pemohon :  
JPN :  
.....

**2. Ringkasan Kes :**

.....  
.....  
.....

**3. Dokumen yang dilampirkan bersama permohonan :**

	Dokumen	*V / X / TB
1.	Salinan Kad Pengenalan bapa (depan & belakang).	
2.	Salinan Kad Pengenalan ibu (depan & belakang).	
3.	Salinan Sijil Lahir anak (depan & belakang).	
4.	Salinan asal laporan doktor.	
5.	Dokumen lain jika berkenaan.	

(\*Sila tandakan √ bagi "Ada" , X bagi "Tiada" dan TB bagi "Tidak Berkenaan")

**4. Ulasan Urus Setia :**

.....  
.....  
.....

**5. Keputusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Merangkap Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru :**

- Permohonan penangguhan persekolahan tidak diluluskan.
- Permohonan penangguhan persekolahan diluluskan tanpa syarat.
- Permohonan penangguhan persekolahan diluluskan dengan bersyarat.

**6. Syarat Pengecualian :**

- (i) Penangguhan persekolahan adalah diluluskan bagi kemasukan ke Tahun ..... pada tahun .....
- (ii) Murid hendaklah mendaftar dan bersekolah di Tahun ....., pada tahun ....., dan
- (iii) Pengecualian terbatal dengan sendirinya apabila murid berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah rendah.

Tandatangan

(  
-Nama-  
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
MERANGKAP  
KETUA PENDAFTAR SEKOLAH DAN GURU

Tarikh: .....

Ruj. Kami  
Tarikh

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN WAJIB DAN MENANGGUHKAN PERSEKOLAHAN KE ATAS :**

Nama Murid :  
Tarikh Lahir :  
No. Sijil Kelahiran :  
No. Rujukan :  
Nama Pemohon :  
JPN :  
:

Permohonan tuan/puan bagi menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 pada tahun ..... ke atas murid di atas adalah dirujuk.

2. Adalah saya diarah untuk memaklumkan pihak tuan/puan bahawa permohonan tuan/puan untuk menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 bagi murid seperti nama dan butiran di atas dari tahun ..... ke tahun ..... adalah diluluskan.

3. Sehubungan itu, tuan/puan dikehendaki mendaftarkan murid tersebut untuk memulakan persekolahan di Tahun 1 pada tahun persekolahan (-tahun-). Sila berhubung dengan Jabatan Pelajaran Negeri ..... untuk urusan kemasukan murid ini ke sekolah rendah.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( -Nama- )  
Pengarah  
Bahagian Sekolah  
b.p. Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Merangkap  
Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Sekolah
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Swasta  
Merangkap  
Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru
4. Pengarah  
Bahagian Sekolah
5. Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri .....  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru
6. Guru Besar Sekolah

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Nama Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECAULIAN DARIPADA MENGIKUTI PENDIDIKAN  
WAJIB DAN MENANGGUHKAN PERSEKOLAHAN KE ATAS :**

**Nama Murid** :  
**Tarikh Lahir** :  
**No. Sijil Kelahiran** :  
**No. Rujukan** :  
**Nama Pemohon** :  
**JPN** :

Permohonan tuan/puan bagi menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 pada tahun ..... ke atas murid di atas adalah dirujuk.

2. Adalah saya diarah untuk memaklumkan pihak tuan/puan bahawa permohonan tuan/puan untuk menangguhkan kemasukan ke Tahun 1 bagi murid seperti nama dan butiran di atas dari tahun ..... ke tahun ..... adalah tidak diluluskan.
3. Sehubungan itu, tuan/puan dikehendaki mendaftarkan murid tersebut untuk memulakan persekolahan di Tahun 1 pada tahun persekolahan (-tahun-). Sila berhubung dengan Jabatan Pelajaran Negeri untuk urusan kemasukan murid ini ke sekolah rendah.

4. Bagi tujuan rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan di masa akan datang, tuan/puan adalah dinasihatkan untuk menyimpan surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( - Nama - )

Pengarah  
Bahagian Sekolah  
b.p. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Merangkap  
Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Sekolah
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pendidikan Swasta  
Merangkap  
Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru
4. Pengarah  
Bahagian Sekolah
5. Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri .....  
Merangkap  
Pendaftar Sekolah dan Guru  
(Sila keluarkan Surat Arahan Mendaftar kepada pemohon dalam masa tiga minggu dari tarikh surat ini jika tidak menerima arahan lanjut dari pihak Kementerian Pelajaran)
6. Guru Besar Sekolah